

Pertumbuhan Awal Tamadun Segenting Kra: Tinjauan Ringkas Terhadap Kerajaan Melayu Ligor

MOHD ZAMBERI A. MALEK

ABSTRAK

Artikel ini mengenengahkan fakta sejarah tentang kemunculan beberapa buah negara-kota di Segenting Kra sejak abad ke-3 Masehi. Di antara negara-kota yang terpenting di waktu itu ialah Tambralingga atau Ligor yang menguasai kawasan Segenting Kra. Di masa-masa yang berasingan, Ligor pernah berada di bawah naungan kerajaan Funan (abad ke-3 hingga ke-6) di Semenanjung Indo-China, Sri Wijaya (abad ke-7 hingga ke-13) di pantai timur Sumatera, Siam Sukhothai dan Ayuthia mulai abad ke-14 hingga ia terus dikuasai oleh Siam, menjadikan kawasan Segenting Kra sebagai sebahagian daripada negaranya.

ABSTRACT

This article offers historical evidences on the rise of some important city-states particularly Tambralingga or Ligor on the Isthmus of Kra. At different historical periods, Ligor was under the domination of the early Malay Kingdoms of Funan (between 3rd and 6th century A.D) in the Indo-Chinese Peninsula; Sri Wijaya (between 7th and 13th century) on the east-coast of Sumatera; and Sukhotai and Ayuthia (Siam) from the 14th century until the city-state as well as the entire Isthmus of Kra was annexed by the Siamese state.

Mengikut takrif asal Semenanjung Tanah Melayu, ia sebenarnya bermula dari Segenting Kra di bahagian Thailand. Akan tetapi Semenanjung yang satu ini kini telah dipecahkan menjadi dua bahagian oleh kuasa politik di zaman moden. Bahagian pertamanya yang bermula dari Segenting Kra menghala ke selatan terdiri dari beberapa wilayah hingga sempadan Malaysia bermula dari sempadan Malaysia-Thai merangkumi negeri-negeri Melayu hingga ke Singapura yang kini lebih dikenali sebagai Semenanjung Malaysia. Hakikat ini selalu disalahertikan seolah-olah menggambarkan kepada kita bahawa Semenanjung Tanah Melayu hanyalah Semenanjung Malaysia tanpa mengambilkira fakta sejarah akan kewujudan tamadun Melayu di sekitar Segenting Kra.

Rata-rata jumlah penduduk mendiami Semenanjung Tanah Melayu di bahagian Selatan Thailand berjumlah hampir 2 juta orang dan sebahagian besar daripadanya adalah pribumi berketurunan Melayu yang mengamal-

kan adat-istiadat budaya Melayu serta menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi seharian. Walau bagaimanapun, akibat ditindas dan dijajah beratus-ratus tahun lamanya oleh pemerintah Thai di samping usaha-usaha yang dirancang oleh pemerintah Thai memindahkan penduduk keturunan Siam/Thai dari utara, maka segala unsur-unsur ke Melayuan di sana kian pupus dan semakin lemah. Perkara ini amat menyedihkan jika ia terus diabaikan oleh para sejarawan dan budayawan di Malaysia. Seharusnya ada usaha untuk menyelamatkan tamadun bangsa Melayu ini dan kesan-kesan sejarahnya yang selama ini dilupakan tanpa ada sebarang usaha menghidupkannya. Kesempatan dan hubungan baik persaudaraan ASEAN haruslah digunakan bagi menyedarkan kewujudan satu rumpun bangsa yang agung, iaitu bangsa Melayu pribumi Semenanjung Tanah Melayu yang penghuni dan tanah airnya merangkumi kawasan yang kini dikenali sebagai empat Wilayah Patani.

GEO-FIZIKAL SEMENANJUNG DI SELATAN THAILAND

Semenanjung Tanah Melayu di Selatan Thailand ini merupakan sebuah kawasan semenanjung kecil menganjur dari utara ke selatan dan diapit oleh dua laut besar, Laut China Selatan disebelah timur dan Lautan Hindi disebelah barat. Pakar-pakar sejarah dan ahli kaji purba menitikberatkan pengkajian di Segenting Kra pada dua keadaan zaman. Zaman pertama merangkumi antara abad ke-6 hingga abad ke-8 M ketika keagungan Empayar Sri Wijaya menguasai rantau Asia Tenggara dan zaman keduanya merangkumi dari abad ke-16 hingga abad ke-19 sewaktu kawasan ini mula membuat perhubungan dengan negara-negara Barat dan Timur-Tengah. Walau bagaimanapun pakar-pakar sejarah lebih berminat mengkaji zaman pertama yang mengandungi beberapa rahsia pensejarahan yang sukar diperolehi bukti-bukti yang tepat selain daripada kesan-kesan arkeologi dan berhala yang dijumpai terbenam di perut bumi sejak ribuan tahun dahulu.

Segenting Kra merupakan sebuah semenanjung yang sempit yang mengandungi kawasan-kawasan dataran di sebelah pantai timurnya menghala ke laut di Teluk Siam. Di pantai baratnya pula terdapat banjaran gunung Thanam Sri, sambungan daripada pergunungan Himalaya yang memanjang arah ke selatan dan kemudian bersambung dengan banjaran gunung Kalakhiri dan dari situ bersambung pula dengan banjaran Titi Wangsa di Semenanjung Tanah Melayu. Keadaan banjaran gunung ini menjadi hulu beberapa buah sungai kecil dan besar yang mengalir ke sebelah pantai timur mencurah airnya ke Teluk Siam menyebabkan dataran di sepanjang pantai timur menjadi kawasan subur dan sesuai bagi penempatan penduduk. Keadaan ini berbeda dengan pantai barat semenanjung di pinggir banjaran gunungnya yang terdapat dataran kecil tanah

tinggi rendah dan pantainya penuh batu-batu besar yang tidak didiami oleh masyarakat tani. Maka perbezaan alam geografi inilah juga yang telah mempengaruhi pembukaan negeri-negeri Melayu sekitar Segenting Kra di awal Masehi ini (Nasir 1977)

NAUNGAN EMPAYAR FUNAN

Maklumat awal bersabit dengan Semenanjung Tanah Melayu boleh diperolehi dari sumber China. Sumber-sumber tempatan lain seperti inskripsi dan peninggalan arkeologi tidak banyak diperolehi. Apabila bertambah meningkatnya perdagangan antarabangsa India-China terutama selepas kurun Masehi pertama maka muncullah bandar-bandar perdagangan yang berkembang menjadi negara-kota (city-states). Hubungan perniagaan ini dipercepatkan lagi perjalanannya dari Teluk Siam menerusi jalan darat merentas Segenting Kra ke Teluk Benggala di leher Semenanjung Tanah Melayu. Satu sumber China dipanggil *Fu-kan-tu-lu* menyatakan perjalanan rentasan darat ini mengambil masa cuma lebih kurang 10 hari jika dibandingkan pelayaran menyusur Semenanjung yang memakan masa selama 2 bulan (Mohd. Dahlan Mansoer 1979). Para pedagang China pula beranggapan Segenting Kra ketika Dinasti T'ang merupakan tumpuan geo-politik di Asia Tenggara.

Paul Wheatly menerusi kajiannya telah menyakinkan kita akan wujudnya negeri-negeri Melayu purba yang berupa negara kota disekitar Segenting Kra yang disebutnya *Tun-Sun*, *Kolo* (Jajahan Burma), *P'an-p'an*, *Chih-t'u* (Bumi Tanah Merah), *Tambralingga* (Ligor), *Langkasuka* (Pantai sekarang) dan *Kataha* (Kedah sekarang) (Wheatley, P. 1961). Kedudukan negeri-negeri Melayu ini sebagai pelabuhan yang strategik dan begitu penting berperanan sebagai *entreport* perdagangan antara India dan China. Maka dengan alasan ini sewajarnya kawasan ini menjadi naungan Empayar Funan yang mencapai zaman keagungannya di abad ke-3 dan merupakan kuasa yang terbesar mempengaruhi politik dan ekonomi kawasan Asia Tenggara hingga abad ke-6 Masehi. Empayar Funan ialah negara perniagaan laut di Asia Tenggara yang paling awal sekali dikesan. Ibu kotanya yang pertama ialah *Vyadhapura* dan raja-rajanya menamakan diri mereka Shailaraja yang bererti Raja Di Gunung. Rekod sejarah Liang, 502 – 556 Masehi menjelaskan bahawa sepuluh buah kerajaan negara kota telah ditawan oleh General Fan Shih Man atau Wan Che Man (220 – 420) pemerintah tertinggi kerajaan Funan, dan empat buah darinya terdapat di Semenanjung Tanah Melayu iaitu *Tan-Mei-Liu* (Tambralingga), *Lang Ya-Siu* (Langkasuka), *Tun-Sun* dan *Chu-Li* (Wavel 1964).

Negara kota Tambralingga yang kemudiannya dikenali sebagai Ligor adalah kerajaan terbesar menguasai Segenting Kra. Ia di dirikan oleh orang-orang Melayu sejajar dengan pertumbuhan awal pusat tamadun

Melayu di zaman permulaan sejarahnya. Coedes berpendapat bahawa Kerajaan Melayu Tambralingga wujud sejak abad ke-2 Masehi (Coedes 1968). Catatan China *T'ai-p'ing yu-lan* yang dipetik dari buku *Fu-nan Chi* terbitan abad ke-5 Masehi menceritakan tentang keadaan Raja Melayu Tambralingga;

Terdapat seramai 500 orang keluarga Hu dari India, 2 Fo-Tu dan lebih dari 1,000 orang kaum Brahman dari India menetap di sini. Raja Tambralingga bersemayam di kota *Seng Chih* yang dikelilingi dengan tembok dan tiga buah pintu berserta lebih dari seratus anak tangga. Setiap pintu diwarnakan dengan gambaran semangat dewa-dewa yang berterbangan, patung bodhdhisattvas dan batu-batu yang kukuh, digantung pula dengan bunga-bunga dan loceng. Terdapat lebih kurang 10 orang perempuan bermain bunyi-bunyian sambil memegang bunga-bunga emas. Empat orang lelaki lengkap berpakaian seragam dititahkan berdiri di samping patung Buddha untuk mengawal pintu masuk. Kawasan sekitar luarnya ditempatkan senjata-senjata perang. Raja Tambralingga menduduki takhta di atas tiga lapis kerusi mengadap keutara dengan memakai pakaian berwarna merah mawar, bunga-bunga emas dan rantai berlian. Empat orang lagi ditugaskan berdiri dikiri kanan baginda dengan lebih dari seratus orang pengawalnya. Takhta singgahsana diperbuat daripada kayu yang dianggap keramat, bersalut emas, perak dan lima jenis kayu wangi, dan dibelakangnya terdapat lampu emas. Disebelah singgahsana ini ditemui dua buah cermin logam, buyong logam yang tiap satunya disaluti emas dan bersumbu. Dibahagian hadapan tergantung pada dinding istana kapak emas dan bersebelahan antara satu terdapat pula kipas berlian. Beberapa ratus orang kaum Brahman duduk berbaris dikiri kanan baginda dengan mengadap muka masing-masing (Wavel 1964).

Kekayaan dan kemakmuran Tambralingga yang mencapai tahap ketinggian tamadunnya telah merangsang keinginan Empayar Sri Wijaya dari Sumatera di abad ke-6 melintasi Selat Melaka hingga ke Segenting Kra untuk menguasai negeri-negeri di situ, termasuk Tambralingga dan yang lainnya.

NAUNGAN EMPAYAR SRI WIJAYA

Menurut kajian W. S. Morgan, dengan secara berperang maka Sri Wijaya dapat meluaskan kuasanya hingga ke Tambralingga. Malah ianya menjadi kaya hasil aktiviti perniagaan yang dijalankan di Segenting Kra dan Selat Melaka sebagai *thalassocracy*. Keterangan ini telah dapat dipertanggungjawabkan apabila terjumpanya sebuah tiang yang ternyata bertarikh tahun 775 Masehi. Di inskripsi ini tertulis kenyataan bahawa Kerajaan Tambralingga kemudiannya telah dinaungi oleh Maharaja Palembang. Tegasnya Sri Wijaya telah menggantikan Empayar Funan. Pahatan pada tiang itu memuatkan dua maklumat yang berlainan. Salah satu daripadanya menyatakan bahawa ada dua orang Maharaja Sri Wijaya iaitu keturunan Maharaja Gunung yang telah mendirikan sebuah candi Buddha

di Tambralingga. Maklumat ini memuji Maharaja Seri Wijaya dan memberi tahu pada hamba rakyat tentang pembangunan candi-candi Tambralingga yang di antaranya didirikan oleh rajanya sendiri.

Penguasaan Sri Wijaya terhadap negeri Melayu Tambralingga ini hanya di sekitar perairan dan perdagangan saja. Pentadbiran negara diberi kuasa otonomi kepada pemerintah tempatan tanpa menggunakan kuasa tentera atau birokratik. Pakar-pakar sejarah menerangkan bahawa Raja-raja Sri Wijaya lebih mementingkan pembangunan Kerajaan Melayu Tambralingga dari negara lain di Semenanjung. Di samping perkembangan bahasa Melayu tulisan India, bahasa Melayu Sanskrit dan agama Buddha-Sinhalese amat sangat mempengaruhi orang Melayu di sana. Begitu juga penerapan ciri-ciri kebudayaan, kesenian, terutamanya dalam kerja-kerja kemahiran tangan dan teknik bercucuk tanam dalam menempuh amalan hidup yang lebih berperaturan.

Kekuasaan Sri Wijaya telah memberikan nafas utama pada tamadun penduduk-penduduk di situ. Kesenian dan kebudayaan Sri Wijaya terus berkembang ke Kemboja pada zaman pemerintahan Varaman II (722 – 852 Masehi). Penemuan berhala-berhala berbentuk kesenian Sri Wijaya di Wilayah Chantaburi, bahagian tengah Negeri Thai membuktikan penyebaran pengaruh Sri Wijaya itu bermula dari Segenting Kra di Tambralingga (O'Connor 1968)

Di abad ke-9 Tambralingga telah menguatkan kedudukan pertahanan negaranya dan bertindak agresif menyerang Siam di Kota Lopburi. Tetapi serangan ini berakhir dengan kegagalan (Rentese 1947). Bagaimanapun sepanjang abad ke-11 hingga ke-13 Masehi, Tambralingga lebih berperanan sebagai pusat agama Buddha-Theravada. H.G. Quaritch Wales telah banyak menjumpai kesan-kesan agama Hindu imej Vishnu. Kedudukan ibu kotanya juga tidak jelas, pada mulanya ibu kotanya di Seng Chih yang berpindah ke Chaiya dan kemudian berpindah pula di sekitar Teluk Bandon. Sementara itu ada sebuah bandar yang wujud di situ iaitu Weing Sra (Abdul Rahman Haji Abdullah 1985; Wales 1974). Kesan-kesan purba yang dijumpai sekarang ini menyakinkan kenyataan terdirlinya beberapa buah negeri Melayu purba Segenting Kra yang merupakan pusat tamadun di rantau Asia Tenggara sejak abad ke-7 Masehi dengan penduduknya menganuti agama Hindu dan Buddha.

Di awal abad ke-11 muncul pula seorang anak Raja Melayu Tambralingga bernama Suryavarnam I yang memperkukuhkan kedudukannya apabila kekuasaan Sri Wijaya mula menampakkan kemerosotannya. Beliau mengambil masa selama 9 tahun berperang hingga berjaya berkuasa memerintah Kerajaan Angkor serta mengembangkan agama Dewaraja di kalangan orang Kemboja. Dengan bantuan ayahandanya Raja Tambralingga maka beliau telah menakluki negeri Mon di Lembah Sungai Chao Phraya dan dataran Korat, ke utara hingga Chiengsen dan menyerang orang-orang Burma, kemudian ke selatan sampai ke kawasan Segenting

Kra bagi meluaskan empayar Melayu Tambralingga. H.G. Quaritch Wales menyifatkan Suryavarnam I (1002 – 1050 Masehi) sebagai pemuda Melayu zaman teragung dan ahli strategi yang berani dan penakluk yang terbesar di Asia Tenggara (Raja Mohd. Affandi 1982). Prasasti yang ditemui di Chaiya menceritakan kebesaran dan kejayaan-kejayaan beliau ini yang tercatat dalam bahasa Khmer di tahun 1183 Masehi.

Orang India juga menunjukkan minat menjalankan aktiviti perdagangan menjelang zaman Pallava di abad ke-9 Masehi atau sebelumnya di sekitar Segenting Kra ini. Bagaimanapun penyerang Pallava, Raja Rajendra Chola I telah melancarkan serangan dalam ekspedisi perjalanan jauh ke atas Palembang, ibu kota Sri Wijaya. Dalam perjalanan ini angkatan negeri-negeri naungan Sri Wijaya di Semenanjung seperti Tambralingga, Langkasuka, Talaittakolam, Gangga Negara dan Temasik turut diserang disekitar tahun 1017 Masehi. Kemenangan ini telah diabadikan dalam prasasti Tanjore bertarikh tahun 1030 yang ditemui di India. Apa yang diterima akibat dari serangan Rajendra Chola ini sekurang-kurangnya memberi kelemahan kepada kekuasaan Empayar Sri Wijaya terhadap Semenanjung Tanah Melayu terutama Tambralingga dan yang lainnya.

Beberapa lama kemudian seorang lagi Raja Melayu Tambralingga bernama Dharmaraja Chandrabanu (1230 – 1294), telah berjaya membebaskan Tambralingga dari kekuasaan Empayar Sri Wijaya dengan sepenuhnya di tahun 1230. Semangatnya yang besar berupaya menyerang Sri Lanka sebanyak dua kali; pertama kali baginda menyerang utara Sri Lanka pada tahun 1247 untuk mendapatkan patung Buddha bernama Phra Sihing. Sungguhpun baginda berjaya menawan di bahagian utara, tetapi baginda tidak dapat menewaskan Raja Parakramabahu II yang beribukota di Anaradhapura. Baginda telah meninggalkan anakandanya sebagai pemimpin masyarakat Melayu di Sri Lanka. Apabila Raja Sundra Pandaya dari selatan India menyerang anakandanya di Sri Lanka pada tahun 1270, sekali lagi Chandrabanu menyerang Sri Lanka. Malangnya tindakan kali ini membawa kegagalan dan beliau terpaksa menyelamatkan diri untuk kembali ke Tambralingga. Kekalahan itu juga sekaligus telah melemahkan Kerajaan Melayu Tambralingga (Raja Mohd. Affandi 1958).

NAUNGAN SIAM SUKHOTHAI

Orang Siam berasal dari wilayah Yunan, negeri China. Setelah Kerajaan Nanchao yang di dirikan oleh mereka pada tahun 650 Masehi dikalahkan oleh orang Mongol pada tahun 1000 Masehi, mereka terpaksa berpindah-randah menuju ke selatan. Migrasi mereka ke selatan ini bukan saja memperlihatkan kejayaan malah memulakan satu era baru dengan tertubuhnya kerajaan Siam Sukhothai. Tokoh besar yang meletakkan asas kerajaan ini ialah Rama Khamhaeng (1275 – 1317), putera Sri Indrachtya

yang telah menakluki kota Sukhothai pada tahun 1238. Kejayaan Rama Khamhaeng ini memulakan satu era baru meluaskan kekuatannya menyerang negeri-negeri Melayu Segenting Kra di selatan.

Sejarah Yuan pada tahun 1295 ada menceritakan bahawa orang Siam dan orang Melayu (Ma-li-yu-erh) telah lama berperangan dan sering berbunuhan. Sumber China ini menerangkan perutusan Siam di hantar mengadap Maharaja China bersama barang-barang hadiah tanda ufti. Ketika berangkat pulang Maharaja China telah berpesan kepada Kan-muting utusan Siam, "Oleh kerana orang Siam dan Melayu telah lama berperangan, maka kamu hendaklah mematuhi janji supaya jangan mengganggu orang Melayu". Sebagai memenuhi janji itu serangan Rama Khamhaeng terhadap orang Melayu Tambralingga dihentikan di Rachburi-Pechtburi yang dijadikan sempadan Sukhothai setakat itu di tahun 1294 (Hall, 1979). Linehan berpendapat bahawa orang-orang Siam Sukhothai berjaya menguasai Kerajaan Melayu Tambralingga sejak tahun 1280 (Wavel 1964). Bagaimanapun sebuah prasasti yang ditemui di ibukota Sukhothai mengakui Tambralingga ditawannya sekitar tahun 1292.

Sehubungan dengan kekalahan Kerajaan Tambralingga, Rama Khamhaeng bukan saja berjaya dalam pentadbirannya malah memperkenalkan agama Buddha-Mahayana disamping mempertingkatkan penggunaan bahasa dan tulisan Siam. Sejak itu penduduk-penduduk Melayu Segenting Kra khususnya mula menerima pengaruh setiap aspek kehidupan yang berunsur Siam. Tambralingga menjadi sebahagian dari negara Siam dan orang Siam memanggilnya dengan nama Nakorn Sri Thammarat atau Nakorn ataupun Lakorn saja, manakala orang Melayu menyebutnya Ligor. Kerajaan Melayu Ligor atau nama klasiknya Negara Sri Dharmaraja telah melantik rajanya yang pertama iaitu Raja Si Thama Thammasokera (Rentse 1947). Dengan kejatuhan Tambralingga maka negeri-negeri Melayu Segenting Kra dan seluruh Semenanjung sentiasa menerima ancaman serangan orang Siam yang turut membawa perubahan besar sejajar dengan arus penyiaran Islam di Nusantara. Kekuasaan Siam Sukhothai yang kian merosot beralih pula kepada penubuhan Kerajaan Siam yang beribu kota di Ayuthia.

NAUNGAN SIAM AYUTHIA

Terdirinya Kerajaan Ayuthia pada tahun 1350 mengukuhkan lagi kedudukan Ligor sebagai tanah jajahan Siam. Perubahan di buat untuk menjadikan kota Ligor sebagai perwakilan kuasa Siam mengawasi negeri-negeri Melayu Semenanjung Tanah Melayu. Gabenor-gabenor Siam telah dilantik memerintah Ligor sebagai kesinambungan pemerintahan Sukhothai dulu (Nasir 1977). Pada batu bersurat yang dijumpai terdapat catatan salasilah yang menerangkan bahawa pemerintahan Ligor oleh Raja Sri

Dharma Sukaraj telah menundukkan sebanyak 12 buah negeri di Semenanjung Tanah Melayu di antaranya ialah Krabi, Berdelung, Singgora, Patani, Kedah dan Kelantan (Wyatt & Bastin 1968). Menjelang abad ke-16 Ligor mula menerima pelawat-pelawat asing dan membuat perhubungan dengan dunia luar. Tome Pires telah menulis penerangan ringkas mengenai hubungan Ayuthia dan Ligor di abad ini. Menurutnyanya perlantikan Raja Ligor sebenarnya adalah sebagai perwakilan rasmi Raja Siam Ayuthia. Dengan kedudukan ini Raja Ligor menjadi seorang yang kaya dan begitu penting sebagai gabenor Siam. Ini membolehkan ia memberi tekanan penjajahan terhadap negeri-negeri Melayu Semenanjung dari Ayuthia hingga ke Pahang (Cortesao 1944). Ligor juga diberi kuasa oleh Ayuthia menyerang mana-mana negeri Melayu yang engkar dan tidak mahu tunduk kepada pertuanan kemahkotaan Siam serta membayar ufti berupa pohan emas dan perak. Ini pernah berlaku pada negeri-negeri Melayu berkerajaan Islam seperti Melaka, Pahang, Patani dan Kedah di abad-abad berikutnya.

Mengikut W. Linehan, di awal tahun 1500 orang Siam Ligor bertindak menyerang Pahang atas perintah Raja Siam Ayuthia kerana kedegilan Pahang enggan menghantar ufti pertuanan (Linehan 1944). Sejarah Melayu yang menganggap Ligor sebagai sebahagian dari Alam Melayu menceritakan kisah serangan Ligor terhadap Pahang:

Maka tersebutlah perkataan Raja Legur, Maharaja Dewa Sura namanya, disuruhkan raja Siam menyerang Pahang. Maka Maharaja Dewa Sura pun berlempang, kira-kira dua keti rakyat dibawanya. Maka kedengaranlah ke Pahang, maka Sultan Abdul Jamil raja Pahang menyuruh memperbaiki kota, parit, menghimpunkan segala rakyat dan mengerahkan segala orang masuk kota dan berbaiki senjata. Maka khabar Raja Legur disuruh Siam menyerang Pahang itu pun kedengaranlah ke Melaka. Maka Sultan Mahmud menyuruh memanggil Bendahara Seri Maharaja dan segala menteri hulubalang, maka sekalian pun datang. Maka Sultan Mahmud pun bertitah musyawarat akan pekerjaan Raja Legur hendak menyerang Pahang Maka Raja Legur pun datang ke Pahang dengan segala rakyat tiada terhisab lagi banyaknya. Maka berperanglah dengan orang Pahang dan orang Melaka. Maka dengan kurnia Allah Ta'ala Pahang tiada alah. Rakyat Legur pun banyak mati dibunuh oleh orang Pahang dan orang Melaka. Maka Maharaja Dewa Sura pun lari ke Hulu Pahang, lalu terus ke Kelantan, lalu kembali ke Legur . . . (Shellbear 1936).

Sejak beratus tahun Ligor terus menjadi kuasa Siam di utara Semenanjung Tanah Melayu. Tetapi cita-cita Siam Ayuthia sebenarnya mahu menguasai seluruh Semenanjung tergugat dengan kemunculan dan kegagahan Empayar Melayu Melaka. Seorang pengembara Portugis Mendez Pinto telah melawat Ligor di tahun 1539. Menurut beliau ketika itu sebanyak 14 buah kerajaan Melayu menghantar ufti kepada Ligor sebagai perwakilan Raja Siam Ayuthia di selatan. Pinto juga menyaksikan satu upacara adat yang dipanggil *sembaya* telah dipersembahkan di ibu

kota negara itu setiap bulan September. Dalam upacara ini pohon emas dan perak ufti yang dihantar oleh Raja-raja Melayu Semenanjung dipamerkan kepada orang ramai. Dalam tempoh setiap tiga tahun sekali Kerajaan Ligor akan menerima sebanyak 36 pohon emas dan 36 pohon perak untuk dipersembahkan ke istana Siam di Ayuthia (Wavell 1964).

Di awal abad ke-17 orang-orang keturunan Siam semakin banyak menguasai pemerintahan Kerajaan Ligor walaupun rakyat jelatanya masih ramai terdiri daripada masyarakat Melayu. Ketika Patani enggan menghantar ufti dan tidak mahu mengiktiraf pertuanan Siam, Ligor ditugaskan mengumpul seramai 20,000 orang tentera pimpinan Opya Deca anak Raja Ligor yang bergabung dengan sejumlah 30,000 orang tentera Siam Ayuthia untuk menyerang Patani melalui jalan darat. Serangan ini bagaimanapun berakhir dengan kegagalan dan sejak itu Ligor sentiasa menjadi sasaran serangan balas orang Melayu Patani bagi mengugat kekuasaan Siam di situ (Van Vliet 1938). Sewaktu orang Inggeris menunjukkan minat mereka terhadap penjajahan dan perdagangan negeri-negeri Tanah Melayu di abad ke-18 dan ke-19, Kerajaan Siam yang beribukota di Bangkok menggantikan Kerajaan Siam Ayuthia dengan memberikan mandat kuasa pada Raja Ligor sebagai perantaraan menghubungkan orang asing sebelum berhubung dengan Raja Siam di Bangkok. Menurut Francis Vella (1957);

Ligor the only first-class province on the peninsula, was the main provincial center in the south . . . Its governor was an energetic man who, in exercising his duty of guarding the siamese frontier, was not disinclined to strengthen Siamese control over existing Malay vassals and to extend Siamese away over new Malay areas.

MASYARAKAT MELAYU DI SEGENTING KRA KINI

Negeri-negeri Segenting Kra seperti Cahaya (Chaiya), Ligor, Terang (Trang), Berdelung (Patalung) dan Singgora (Songkhla) kerap dikunjungi pelawat Barat dan China dalam abad ke-17 dan ke-18. Mereka mengangap kawasan ini sebagai hak orang Melayu. Salah satu sumber China bertajuk *Hai-kuo-chien-lu* yang ditulis oleh Ch'en Lun-ch'ung (1683 - 1747) menceritakan bahawa selepas melawat selatan Siam beliau melalui pula banjaran gunung negeri-negeri Melayu seperti *Hsieh-tzu* (Chaiya), *Liu-k'un* (Ligor), *Sung-chiao* (Singgora), *Ta-nien* (Patani), *Ting-ko-nao* (Terengganu) dan *P'eng-heng* (Pahang). Menurutnyanya negeri-negeri ini adalah kepunyaan bangsa Melayu kerana kebanyakan penduduk yang ditemui adalah orang Melayu yang mengamalkan ajaran Islam yang melarang memakan daging babi. Orang Melayu juga sudah beberapa abad dirujuk sebagai orang Islam (Cushman & Milner 1979).

Negeri Berdelung (orang Siam memanggil Patalung) dikatakan menerima Islam paling awal dan pernah diperintah oleh Sultan Sulaiman.

Apabila baginda mangkat makam baginda dipanggil 'hum' atau marhum yang terus diberi penghormatan oleh masyarakat di situ. Sultan Muhammad Tahir dikatakan pernah menguasai pemerintahan beraja Melayu Ligor di sekitar abad ke-16. Begitu juga pemerintahan beraja Melayu Singgora di abad ke-16 dan ke-17 yang dikuasai oleh kesultanan Nik Badrulsallam. Ketika itu Singgora merupakan sebuah negeri dengan rakyat pribumi keturunan Melayu. Menjelang akhir abad ke-19 Singgora (orang Siam memanggil Songkhla) tidak lagi merupakan penempatan Melayu.

Kawasan perkampungan orang Melayu ditemui di kawasan barat pelabuhan Lem Son dan mereka sudah pun hilang bahasa ibunda mereka (Smyth 1968). Stewart Wavell yang menjelajah Segenting Kra pada tahun 1964 telah menemui seramai 30,000 orang Melayu di Ligor. Mereka masih boleh berbahasa Melayu dialek Kedah. Pendapat ini disahkan oleh kajian oleh ahli antropologi Inggeris W.W. Skeat (1953) akan penduduk-penduduk Patalung dan Singgora yang dikunjunginya menjelang akhir abad ke-19 di Semenanjung Tanah Melayu. Di Chaiya sekitar tahun 1890 terdapat seramai 20,000 orang masyarakat Melayu yang beragama Islam di suatu kelompok terasing dari keturunan Siam. Walaupun telah sekian lama ditukarkan nama-nama tempat dan istilah asal kepada nama Siam, orang Melayu-Islam Patani masih memanggil 'Singgora' bagi Songkhla dan menyebut 'Ligor' bagi Nakorn Sri Thammarat.

Dalam perkembangan terbaru yang boleh dibanggakan, satu rombongan dari Persatuan Sejarah Malaysia cawangan Kedah telah mengadakan kunjungan ke Selatan Thailand bagi mencari unsur-unsur sejarah dan kebudayaan Melayu Kedah serta mengesan pengaruh Kerajaan Melayu Purba Kataha Negara (Kedah Tua). Apa yang mereka temui ialah seramai 20,00 masyarakat Melayu penduduk di daerah Wilayah Ranong yang hanya beberapa kilometer dari kota Bangkok masih mampu berbahasa Melayu dengan baik, menganut ajaran Islam, dan mengamalkan adat budaya Melayu. Mereka amat berhadapan kerajaan dan rakyat Malaysia membantu mengembangkan bahasa Melayu disitu yang kini hampir pupus. Mereka juga mengharapkan pertubuhan-pertubuhan bahasa di Malaysia memberi bantuan sama ada berupa kewangan atau buku-buku bahasa Melayu untuk dihidupkan semula bahasa ibunda mereka terutama dikalangan generasi muda. Kira-kira 10 peratus daripada mereka dari golongan tua masih boleh bertutur bahasa Melayu dengan baik. Bahasa Melayu mereka adalah bahasa Melayu asal yang tidak ada saduran dari bahasa Inggeris atau Belanda. Bahasa Thai menjadi bahasa kegunaan seharian generasi muda saja (*Berita Minggu* 22 Nov. 1987).

Jelaslah kini secara sepintas lalu gambaran ringkas akan tahap-tahap tamadun Melayu Segenting Kra yang telah mencapai saat-saat kegemilangan dan kejatuhannya. Melihatkan sekian lama menempuh berbagai bentuk pemerintahan Melayu yang dibangunkan seperti Kerajaan Melayu

Tambralingga dan Ligor, berbagai pengaruh dari kerajaan lainnya seperti Funan, Sri Wijaya, Sukhothai, Ayuthia dan akhir sekali Bangkok sudah tentu mencetuskan suatu tamadun yang panjang. Dengan fakta-fakta yang menerangkan kewujudan negeri-negeri Melayu purba sejak awal kurun Masehi, maka kemungkinan fakta-fakta sejarah ini boleh menolak teori bahawa bangsa Melayu adalah berasal dari wilayah Yunnan, negeri China. Hal ini memang telah dipersetujui oleh Von Heine-Geldern yang mengangap bahawa bangsa Melayu adalah pribumi mutlak yang mendiami Semenanjung Tanah Melayu bermula dari Segenting Kra sejak ribuan tahun yang lalu.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Haji Abdullah. 1985. *Asia Tenggara Tradisional*. Teks Publishing.
- Wales, H. G. Q. 1974. Langkasuka and Tambralingga some Archaeological notes. *JMBRAS* 47(1): 15 – 40.
- Berita Minggu*, 22 November 1987.
- Coedes, G. 1968. *The Indianized States of Southeast Asia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press.
- Cortesao, A. 1944. *The Suma Oriental of Tome Pires*, 2 Jilid. Hakluyt Society: London.
- Cushman, J. W. & Milner, A. C. 1979. Eighteenth and nineteenth-century Chinese accounts. *JMBRAS* 52 (I).
- Hall, D. G. E. 1979. *Sejarah Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Linehan, W. 1936. A history of Pahang. *JMBRAS* 14 (2)
- Mohd. Dahlan Mansoer. 1979. *Pengantar Sejarah Nusantara Awal*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Nasir, M. 1977. Negeri-negeri purba di Asia Tenggara. *DIAN* 97 (Februari – Mac): 50 – 58.
- O'Connor, S. J. 1968. Si Chon: An early settlement in Peninsular Thailand. *Journal of Siam Society* 57: 1 – 18.
- Raja Mohd. Affandi. 1982. *Tokoh-tokoh Melayu yang Agung dalam Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Rentese, A. 1947. A historical note on the northeastern Malay state. *JMBRAS* 20(1): 23 – 36.
- Shellbear, W. G. 1967. *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: OUP.
- Skeat, W. W. 1953. Reminiscences of the Cambridge University expedition ot the North-Eastern Malay states 1888 – 1900. *JMBRAS* 26 (4).
- Smyth, H. W. 1968. *Five Years in Siam*, 1 Jilid. London.
- Van Vliet 1938. Historical account of Siam in the 17th century. *Journal of the Siam Society* 30 (2): 95 – 154.
- Vella, W. F. 1957. *Siam Under Rama III 1824 – 1851*. Monographs of the Association of Asian Studies.
- Wheatley, P. 1961. *The Golden Khorsenes*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press.
- Wavel, S. 1964. *The Naga King's Daughter*. London.

- Wolters, O. W. 1958. Tambralingga. *Bulletin of the School of Oriental and African Studies* 21 (3): 587 – 607.
- Wyatt, D. K. & Bastin, J. S. 1968. Mainland powers on the Malay Peninsula, A. D. 1000 – 1511. *International Conference on Asian History*, Paper No. 63. Kuala Lumpur.

Pusat Kesihatan Trong
Taiping, Perak
Malaysia